

# Pengusaha patin sangkar tertekan

BH 07/06/23 ml 17

Kadar kematian ikan tinggi, kos makanan naik antara punca hasil terjejas

Oleh Khairulmizan Yahya  
bhnews@bh.com.my

**Temerloh:** Pengusaha ternakan ikan patin sangkar di daerah ini bimbang dengan masa depan mereka berikutan industri itu kini dibelenggu pelbagai masalah sehingga menyebabkan pendapatan mereka terjejas.

Kebanyakan penternak mendakwa perniagaan tidak lagi menguntungkan disebabkan kadar kematian ikan semakin tinggi dan kos makanan semakin meningkat.

Berikutan itu, ada segelintir penternak yang tidak mampu lagi untuk bertahan sehingga terpaksa menutup operasi mereka.

Selain faktor cuaca tidak menentu, penternak mendakwa kematian ikan juga disebabkan



Penternak menunjukkan ternakan ikan patin yang dibelenggu pelbagai masalah di Temerloh.

(Foto Khairulmizan Yahya/BH)

beberapa sebab lain antaranya benih dan makanan ikan tidak berkualiti, kemerosotan kualiti air Sungai Pahang serta keadaan sungai semakin cetek disebabkan aktiviti mengepam pasir.

Situasi itu jika dibiarkan tanpa langkah penyelesaian, dikhuatiri menjejaskan sektor pelancongan di daerah ini yang popular dengan jolokan bandar

ikan patin, selain sangat sinonim dengan menu patin masak tempoyak.

## Sukar buat pusingan modal

Pengerusi Koperasi Penternak Ikan Sangkar dan Nelayan Darat Temerloh Berhad, Ibrahim Husin, berkata kadar kematian meningkat menyebabkan hasil berkurangan iaitu dari 600 hingga 700 kilogram (kg) sebelum ini

kepada kira-kira 300kg sahaja.

"Biasanya ikan diternak akan matang dan boleh dijual dalam tempoh kira-kira enam bulan, namun sejak kebelakangan ini lapan bulan pun ikan tak boleh dijual lagi.

"Dengan hasil semakin kurang, pendapatan penternak terjejas, sekali gus menyukarkan kami untuk membuat pusingan modal," katanya.

Penternak ikan sangkar, Mohamad Syahir Hamka, 32, dari Kampung Pangsenam, di sini, pula berkata, penternak tidak mempunyai pilihan selain menaikkan harga jualan iaitu dari RM22 sekilogram kepada RM23 hingga RM25 sekilogram untuk terus memastikan dapat terus bertahan.

"Dengan harga makanan mahal sehingga mencecah RM78 untuk setiap beg 20kg, kadar kematian ikan meningkat dan masalah air cetek membuatkan kami sangat tersepit," katanya.

Ketua Kampung Bangau Tanjung yang juga penternak ikan patin sangkar, Abdul Samad Harun, pula berkata pihaknya berharap bantuan kerajaan bagi memastikan kelangsungan sektor terbabit.

"Jika masalah ini tidak ditangani segera, saya rasa mungkin akan berlaku 60 hingga 70 peratus penternak di kampung ini akan menutup sangkar mereka," katanya.

Ketua Cawangan Akuakultur Pejabat Perikanan negeri, Muhammad Nur Ashry Basari, berkata pihaknya sentiasa peka dengan masalah dihadapi penternak dan berusaha membantu meringankan beban mereka.